



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 20 Mac 2023 (Isnin) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Selangor Selaras Syarat, Garis Panduan Pendaftaran TASKA Di Rumah</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1078180/selangor-selaras-syarat-garis-panduan-pendaftaran-taska-di-rumah</p> <p>https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2173969</p> <p>https://www.thesundaily.my/local/selangor-to-streamline-conditions-set-by-pbt-for-home-based-childcare-centres-CA10763265</p> <p>https://themalaysianreserve.com/2023/03/17/selangor-to-standardise-daycare-centres-regulations-across-states/amp/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>The Sun Daily</p> <p>The Malaysian Reserve</p>	Neutral

	<p>https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2023/03/17/selangor-selaras-syarat-permohonan-taska-di-rumah-3/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/946681/selangor-selaras-syarat-garis-panduan-taska-di-rumah-metrotv</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p>	
2	<p>Semua Pihak Bertanggungjawab Sekat Penyebaran Bahan Pornografi</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/semua-pihak-bertanggungjawab-sekat-penyebaran-bahan-pornografi/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/250171</p> <p>https://m.malaysiakini.com/news/659043</p> <p>https://www.thesundaily.my/local/kpwkm-blames-internet-for-child-sexual-crimes-wants-porn-websites-blocked-OA10763782</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/17/semua-pihak-bertanggungjawab-sekat-penyebaran-bahan-pornografi/</p> <p>https://www.theedgemarkets.com/node/659643</p> <p>https://www.astroawani.com/video-malaysia/tindakan-tegas-talian-pornografi-2014411</p> <p>https://mykmu.net/2023/03/18/internet-punca-jenayah-seksual-terhadap-kanak-kanak-naik-aiman-athirah/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/250171</p> <p>https://www.thevibes.com/index.php/articles/news/88167/internet-porn-to-blame-for-sex-crimes-against-children-deputy-minister</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2174000</p>	<p>Utusan</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Kosmo</p> <p>The Edge Markets</p> <p>Astro Awani</p> <p>Mykmu</p> <p>Sinar Harian</p> <p>The Vibes</p> <p>Bernamea</p>	Neutral

	<p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/03/17/deputy-minister-blames-internet-for-rise-in-sex-crimes-against-children/</p> <p>https://www.themalaysianinsight.com/index.php/s/433360</p> <p>https://selangorkini.my/2023/03/kerajaan-sekat-laman-pornografi-benteras-jenayah-seksual-kanak-kanak/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/59529-kpwkm-komited-sekat-akses-laman-pornografi</p> <p>https://mediavariasi.com/2023/03/kpwkm-ambil-tindakan-tegas-sekat-laman-sesawang-pornografi/</p> <p>https://vanakkammalaysia.com.my/%E0%AE%9A%E0%AE%BF%E0%AE%B1%E0%AE%BE%E0%AE%B0%E0%AF%8D-%E0%AE%AA%E0%AE%BE%E0%AE%B2%E0%AE%BF%E0%AE%AF%E0%AE%B2%E0%AF%8D-%E0%AE%95%E0%AF%81%E0%AE%B1%E0%AF%8D%E0%AE%B1%E0%AE%99%E0%AF%8D%E0%AE%95%E0%AE%B3/</p>	<p>FMT</p> <p>The Malaysia Insight</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Berita RTM</p> <p>Media Variasi</p> <p>Vanakkam Malaysia</p>	
3	<p>Potong Gaji Anak Abai Jaga Ibu Bapa Beri Kesan Negatif – Wanita MCA</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/17/potong-gaji-anak-abai-jaga-ibu-bapa-beri-kesan-negatif-wanita-mca/</p>	<p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
4	<p>Mana Ibu Fatteh</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/946653/mana-ibu-fatteh</p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
5	<p>Selangor Lulus Usul Pembangunan Kanak-Kanak Selangor [METROTV]</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/946865/selangor-lulus-usul-pembangunan-kanak-kanak-selangor-metrotv</p> <p>https://www.bharian.com.my/node/1078362/amp</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral

	<p>https://selangorkini.my/2023/03/selangor-negeri-pertama-lulus-dasar-jamin-hak-kanak-kanak/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2174104</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/dun-selangor-lulus-dasar-pembangunan-kanak-kanak-negeri-selangor/</p>	<p>Selangor Kini</p> <p>Bernamea</p> <p>Buletin TV3</p>	
6	<p>KTMB Diminta Sediakan Perkhidmatan Percuma Kepada Pesakit Kanser Kanak-Kanak, Penjaga</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ktmb-diminta-sediakan-perkhidmatan-percuma-kepada-pesakit-kanser-kanak-kanak-penjaga-411330?amp=1</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/250216</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
7	<p>Tahan Tiga Wanita Jadi Keldai Akaun Scam</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/946795/tahan-tiga-wanita-jadi-keldai-akaun-scam</p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
8	<p>Perincian Undang-Undang Pengabaian Warga Emas</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/250241</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
9	<p>Status OKU Tidak Halang Muncul Pelajar Cemerlang SMA</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/250135</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
10	<p>13.4 Peratus Kanak-Kanak Tinggal Di PPR Ada Kecenderungan Bunuh Diri</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/utama/2023/03/946972/134-peratus-kanak-kanak-tinggal-di-ppr-ada-kecenderungan-bunuh-diri</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1078663/lebih-123-peratus-kanak-kanak-remaja-di-ppr-lembah-klang-alami</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral

	https://malaysiagazette.com/2023/03/18/13-4-peratus-kanak-kanak-remaja-tinggal-di-ppr-ada-pemikiran-bunuh-diri-kajian/ https://m.malaysiakini.com/news/659133 https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/18/134-peratus-kanak-kanak-remaja-tinggal-di-ppr-ada-pemikiran-bunuh-diri	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Utusan Borneo</p>	
11	<p>Budak Cedera Parah, Tiga Beranak Terbabas Masuk Longkang</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/18/budak-cedera-parah-tiga-beranak-terbabas-masuk-longkang/ https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/947153/budak-4-tahun-parah-kereta-terbabas-dalam-longkang</p>	<p>Kosmo</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
12	<p>Kanak-Kanak Kudung Bersemangat Kembali Ke Sekolah</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/kanak-kanak-kudung-bersemangat-kembali-ke-sekolah/</p>	<p>Utusan</p>	Neutral
13	<p>Kes Jenayah Seksual Babitkan Kanak-Kanak Meningkatkan, Semua Perlu Ganding Bahu Banterasnya</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/947109/kes-jenayah-seksual-babitkan-kanak-kanak-meningkat-semua-perlu-ganding-bahu</p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
14	<p>3 Wanita Disyaki Keldai Akaun Dicekup</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/947164/3-wanita-disyaki-keldai-akaun-dicekup</p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
15	<p>Jadi Ejen Perubahan Dalam Komuniti Bantu Wanita - Dr Wan Azizah</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/250350</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
16	<p>Warga Emas Tinggal Seorang Diri Maut Dalam Kebakaran</p>		Neutral

	https://www.sinarharian.com.my/article/250361/berita/s-emas/warga-emas-tinggal-seorang-diri-maut-dalam-kebakaran	Sinar Harian	
	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/250391	Sinar Harian	
	https://www.kosmo.com.my/2023/03/18/warga-emas-tinggal-seorang-diri-maut-rumah-terbakar/	Kosmo	
	https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/03/1078805/warga-emas-ditemui-maut-di-luar-rumah-terbakar	Berita Harian	
	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/947162/warga-emas-maut-dalam-kebakaran	Harian Metro	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-maut-dalam-kebakaran-di-kampung-paya-keladi-411447?amp=1	Astro Awani	
	https://malaysiagazette.com/2023/03/18/warga-emas-maut-dalam-kebakaran-di-kampung-paya-keladi/	Malaysia Gazette	
	https://selangorkini.my/2023/03/warga-emas-tak-sempat-selamatkan-diri-maut-dalam-kebakaran-rumah/	Selangor Kini	
	https://www.bernama.com/bm/am/news_bencana.php?id=2174336	Bernama	
	https://malaysiapost.com.my/2023/03/18/warga-emas-maut-rumah-terbakar/amp/	Malaysia Post	
	https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-maut-dalamkebakaran/?utm_source=BUTV3&utm_medium=terkini	Buletin TV3	
	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/59627-lelaki-warga-emas-maut-dalam-kebakaran	Berita RTM	
	https://www.edisi9.com.my/2023/03/warga-emas-ditemukan-maut-di-luar-rumah-terbakar/	Edisi 9	
17	Didik Masyarakat Isu Kesehatan Mental		Neutral

	https://www.sinarharian.com.my/article/250511/berita/nasional/didik-masyarakat-isu-kesihatan-mental	Sinar Harian	
	https://premium.sinarharian.com.my/article/226806/fokus/kafeteen-bantu-masalah-kesihatan-mental-remaja	Sinar Harian	
18	Tekanan Hidup Punca Wanita Cuba Terjun Sungai Batu Pahat https://www.kosmo.com.my/2023/03/19/tekanan-hidup-punca-wanita-cuba-terjun-sungai-batu-pahat/	Kosmo	Neutral
19	Wanita Cedera Dalam Kebakaran Rumah https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-cedera-dalam-kebakaran-rumah/ https://wartaoriental.com/2023/03/19/warga-emas-cedera-ketika-padam-kebakaran-rumah/	Buletin TV3 Warta Oriental	Neutral
20	OKU Pekak Kini Boleh Bantu Salurkan Maklumat Rasuah https://www.sinarharian.com.my/article/250513/khas/rasuah-busters/oku-pekak-kini-boleh-bantu-salurkan-maklumat-rasuah	Sinar Harian	Neutral
21	Kerajaan Sentiasa Cari Jalan Bantu Ringankan Beban Rakyat – Nancy https://tvstv.my/2023/03/19/kerajaan-sentiasa-cari-jalan-bantu-ringankan-beban-rakyat-nancy/	TVSTV	Neutral
22	Bantuan Pemurnian Panduan Pelaksanaan Program LIFE Diperluaskan https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/19/bantuan-pemurnian-panduan-pelaksanaan-program-life-diperluaskan https://tvstv.my/2023/03/19/program-life-bantu-golongan-banduan-fatimah/	Utusan Borneo TVSTV	Neutral
23	Kanak-Kanak Sasaran Penjenayah Siber		Neutral

SELANGOR SELARAS SYARAT, GARIS PANDUAN PENDAFTARAN TASKA DI RUMAH

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1078180/selangor-selaras-syarat-garis-panduan-pendaftaran-taska-di-rumah>

Sumber : Berita Harian



SHAH ALAM: Kerajaan Selangor sedang menyelaras syarat dan garis panduan pendaftaran Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang beroperasi di rumah bagi memudahkan pengusaha meneruskan operasi.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud, berkata ketika ini, syarat pendaftaran itu antara pihak berkuasa tempatan (PBT), tidak sekata.

"Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memaklumkan untuk menyelesaikan isu pendaftaran berkenaan, kerajaan negeri perlu mengubah syarat di PBT dan perkara itu sedang kita laksanakan.

"Prosedur pendaftaran TASKA di rumah diselaraskan dengan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984. Semua TASKA yang berdaftar di bawah Akta 308 itu perlu mematuhi syarat yang ditetapkan dan operasi TASKA itu tertakluk kepada undang-undang PBT di kawasan masing-masing," katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, hari ini.

Beliau menjawab pertanyaan daripada Michelle Ng Mei Sze (PH-Subang Jaya) mengenai syarat bagi pengasuh beroperasi di rumah didapati terlalu ketat dan pada standard yang sama dengan TASKA.

Mengulas lanjut, Dr Siti Mariah berkata, kerajaan negeri membuat semakan semula syarat berkaitan penyeragaman dan memudahkan urusan permohonan bagi menggalakkan pendaftaran pengusaha TASKA di rumah.

Selain itu, katanya, satu Sesi Libat Urus Isu Pendaftaran TASKA Di Rumah Bersama PBT dilaksanakan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (PLAN Malaysia) Selangor serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam bidang penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak pada 6 Mac lalu.

Beliau berkata, susulan sesi berkenaan, pihaknya turut menulis surat kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk melanjutkan tempoh setahun untuk pendaftaran TASKA di rumah, yang masih dalam tempoh sah perakuan selaras dengan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.

"Saya turut mencadangkan kepada KPWKM supaya mengeluarkan TASKA yang beroperasi di rumah daripada Akta 308 kerana peraturan itu diperuntukkan kepada TASKA institusi, tempat kerja dan TASKA komuniti," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Shamsudin Lias (BN-Sungai Burong) berkenaan galakan kerajaan negeri untuk pembinaan TASKA di ruang pejabat bagi memudahkan ibu bapa untuk menguruskan anak mereka, Dr Siti Mariah berkata, pejabat yang tidak dibina untuk kemudahan TASKA sukar memenuhi syarat yang dikenakan PBT, JBPM Selangor dan JKNS.

"Saya memaklumkan kepada PBT untuk memastikan mana-mana tempat kerja yang mempunyai jumlah wanita bekerja melebihi jumlah tertentu perlu mempunyai TASKA dari awal, seperti mana kita menetapkan untuk adanya surau, tandas dan sebagainya," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pemodenan Pertanian negeri, Izham Hashim memberitahu, Jelajah Ehsan Rakyat (JER) akan menyediakan bekalan ayam dan telur lebih banyak menjelang sambutan Aidilfitri.

"Jualan JER sepanjang Ramadan berjalan seperti biasa namun jumlah produk ditingkatkan terutama menjelang raya, malah program jualan juga dibuat lebih besar dan meluas," katanya ketika menjawab soalan tambahan Mohd Fakhrurazi Mohd Mokhtar (PH-Meru) berhubung pelaksanaan program jualan murah berkenaan ketika Ramadan.

Jualan barangan asas kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) itu dianjurkan di sembilan lokasi setiap hari kecuali Jumaat, dari jam 9 pagi hingga 1 tengah hari sejak 15 Januari dan dijangka berakhir pada Mei.

SEMUA PIHAK BERTANGGUNGJAWAB SEKAT PENYEBARAN BAHAN PORNOGRAFI

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/semua-pihak-bertanggungjawab-sekat-penyebaran-bahan-pornografi/>

Sumber : Utusan



KOTA BHARU: Semua pihak perlu bertindak tegas bagi menyekat laman web berkaitan bahan pornografi dalam usaha untuk membendung kes jenayah seksual daripada terus meningkat.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Aiman Athirah Sabu berkata, masalah tersebut dilihat sukar dibendung sekiranya banyak pengaruh pornografi yang tidak terkawal sekali gus memberi ruang kepada masyarakat untuk terdedah kepada jenayah terbabit.

Menurutnya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yakin dan percaya perkara itu sudah diambil serius oleh kerajaan sama ada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) atau Polis Diraja Malaysia (PDRM).

“Jenayah seksual boleh berlaku disebabkan oleh pengaruh media sosial dan penggunaan internet yang sukar dikawal apabila ia boleh diakses pada bila-bila masa.

“Oleh itu, perkara itu tidak boleh dianggap tanggungjawab KPWKM dan SKMM sahaja, sebaliknya ia perlu tindakan semua pihak untuk mengatasinya daripada terus berleluasa,”katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Karnival Hari Wanita Antarabangsa Kelantan (Hawa) 2023 di Tunjong di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Aiman Athirah memberitahu, KPWKM juga sedang meneliti segala ruang dan faktor-faktor yang boleh membawa kepada jenayah seksual melibatkan kanak-kanak.

Katanya, masalah itu perlu ditangani bersama-sama kerana ia turut melibatkan masyarakat sekeliling.

Utusan Malaysia semalam melaporkan, sebanyak 12,890 kes jenayah termasuk seksual yang melibatkan kanak-kanak dan wanita di negara ini telah direkodkan pada tahun lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Abdul Jalil Hassan berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan berbanding 2020 apabila sebanyak 11,092 kes dilaporkan pada tahun tersebut.

Menurutnya, jenayah seksual itu membabitkan kes rogol, cabul, sumbang mahram, cabul kehormatan, gangguan seksual, amang seksual, berkomunikasi seksual dengan kanak-kanak, penderaan kanak-kanak, buang bayi dan keganasan rumah tangga.-**UTUSAN**

POTONG GAJI ANAK ABAI JAGA IBU BAPA BERI KESAN NEGATIF – WANITA MCA

<https://malysiagazette.com/2023/03/17/potong-gaji-anak-abai-jaga-ibu-bapa-beri-kesan-negatif-wanita-mca/>

Sumber : Malaysia Gazette



KUALA LUMPUR – Wanita MCA berpandangan, cadangan untuk melaksanakan potongan gaji terhadap anak-anak yang menghantar ibu bapa ke rumah jagaan akan menimbulkan bantahan orang ramai.

Ketuanya, Wong You Fong berkata, walaupun cadangan itu berniat meningkatkan kesedaran anak-anak dan mempromosi nilai-nilai moral, pelaksanaan undang-undang totalitarian boleh memberi kesan negatif.

“Ketaatan terhadap ibu bapa merupakan sesuatu yang bersifat peribadi bagi semua orang.

“Apabila rakyat dipaksa mentaati ibu bapa, keikhlasan tidak lagi wujud dan penjagaan ibu bapa dianggap sebagai satu tanggungjawab dan bukan kerana perasaan sayang,” katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Kelmarin, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Aiman Athirah Sabu berkata, kementerian menyambut baik cadangan untuk memperkenalkan undang-undang mewajibkan potongan gaji kepada kalangan yang menghantar ibu bapa ke rumah jagaan, terhadap anak-anak yang berkemampuan tetapi tidak melaksanakan tanggungjawab mereka.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Hulu Langat, Mohd. Sany Hamzan di Dewan Rakyat yang bertanya sama ada kementerian berhasrat memperkenalkan undang-undang yang mewajibkan potongan gaji anak-anak yang menghantar ibu bapa mereka di pusat jagaan.

You Fong menambah, situasi setiap isi rumah adalah berbeza mengikut taraf hidup, jumlah anak dan kemampuan kewangan.

Menurut beliau, sekiranya faktor-faktor itu tidak diambil kira, lebih banyak masalah akan dicituskan.

Dalam perkembangan berkaitan, You Fong berharap kerajaan tidak terburu-buru untuk melaksanakan Akta Warga Emas sebelum kajian mendalam dari pelbagai sudut dilakukan.

Beliau berkata, kerajaan perlu memberi tumpuan kepada usaha memperkasakan dan membantu warga emas seperti menyediakan fasiliti yang menggalakkan gaya hidup aktif serta membolehkan mereka bersama masyarakat.

“Wanita MCA menggesa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melakukan kajian menyeluruh sebelum membentangkan akta itu di Dewan Rakyat pada 2024,” jelasnya.

Beliau memberitahu, kerajaan juga perlu menjemput pakar, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wanita, penyedia perkhidmatan jagaan kesihatan awam dan swasta, pertubuhan kebajikan dan parti-parti politik untuk bersama-sama menjalankan kajian tersebut dan merangka rang undang-undang berkenaan.

“Wanita MCA bersedia menyumbang buah fikiran untuk merangka rang undang-undang ini dengan mengambil kira kebajikan warga emas serta menyuarakan pandangan waris-waris mereka,” katanya. – MalaysiaGazette

MANA IBU FATTEH

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/946653/mana-ibu-fatteh>

Sumber : Harian Metro



Putrajaya: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sepang memohon bantuan orang ramai untuk mengesan waris bayi lelaki yang diserahkan kepada seorang wanita ketika berusia dua hari.

Pelindung JKM Sepang Amir Izzat Nordin berkata, kanak-kanak itu diserahkan oleh ibu kandungnya kepada seorang wanita di Dengkil yang dikenali sebagai Jessica dari Sarawak pada 12 Februari lalu.

Menurutnya, wanita itu memaklumkan ibu kandung bayi berkenaan berasal dari Indonesia dan beragama Islam.

Bagaimanapun, katanya, ibu bayi berkenaan kemudiannya gagal dikesan selepas menyerahkan bayi terbabit.

Katanya, bayi itu diberi nama Mohamad Fatteh dan dilahirkan pada 10 Februari lalu, kini berada dalam keadaan sihat di bawah jagaan JKM.

"Pada 15 Februari lalu, JKM menerima satu laporan kes daripada Hospital Cyberjaya memaklumkan seorang bayi berusia lima hari yang tidak mempunyai sebarang dokumentasi pengenalan diri dirujuk ke hospital itu," katanya.

Amir berkata, pegawai perubatan Hospital Cyberjaya memaklumkan bayi itu dibawa ke hospital oleh seorang wanita tanpa sebarang dokumen diri.

Katanya, JKM memohon bantuan orang ramai untuk mengesan waris bayi itu bagi tujuan dokumentasi pengenalan diri dan kebajikan bayi itu.

Orang ramai yang mempunyai maklumat boleh menghubungi JKM Sepang di talian 03-87061026.

SELANGOR LULUS USUL PEMBANGUNAN KANAK-KANAK SELANGOR [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/946865/selangor-lulus-usul-pembangunan-kanak-kanak-selangor-metrotv>

Sumber : Harian Metro

Shah Alam: Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor sebulat suara meluluskan usul Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2022-2025.

Usul berkenaan dibawa Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga, Dr Siti Mariah Mahmud dan dibahas tujuh Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) sebelum ia diluluskan.

Speaker DUN, Ng Suet Lim berkata selepas ini usul berkenaan akan diteliti oleh kerajaan sama ada di peringkat negeri pada penggal yang akan datang atau ke peringkat pusat untuk dijadikan panduan atau cadangan di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

"Saya berharap pada masa akan datang, kanak-kanak di negeri ini tidak mengira lapisan masyarakat atau yang mempunyai masalah berkaitan kewarganegaraan dapat dijamin hak mereka dan mendapat pendidikan asas.

"Selangor adalah satu-satunya negeri yang membentangkan dasar kanak-kanak sepanjang penggal ini.

"Kita di Selangor teliti dalam semua aspek termasuk sosial, ekonomi, kebudayaan dan tidak terlepas isu warga emas serta kanak-kanak.

"Ini satu kerajaan yang mesra, berjiwa rakyat, berketrampilan dan faham denyut nadi rakyat," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini, hari ini.



DR Siti Mariah Mahmud menjawab soalan pada persidangan DUN Selangor. FOTO Faiz Anuar.

Terdahulu, ketika membawa usul itu, Dr Siti Mariah memberitahu, kanak-kanak adalah aset negara dan modal insan terpenting yang bakal mengemudi tampuk kepimpinan negara justeru pelaburan yang berterusan wajar diutamakan dalam aspek kesejahteraan dan kebajikan mereka.

"Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2022-2025 adalah inisiatif perancangan strategik yang memfokuskan kepada 10 domain utama iaitu persediaan keibubapaan dan pra-kelahiran, kesihatan, perkembangan sosial dan komunikasi, pendidikan awal dan penjagaan kanak-kanak, kesejahteraan kekeluargaan, pendidikan (peringkat rendah dan menengah), peranan teknologi dalam perkembangan kanak-kanak, infrastruktur dan keselamatan, sosioekonomi dan penglibatan pemegang taruh.

"Melalui dasar ini juga, disertakan pelan tindakan strategik yang sedang dan akan dilakukan dalam usaha untuk mencapai matlamat utama yang sudah digariskan dalam setiap domain utama.

"Melalui pelan tindakan ini, pembangunan program dan inisiatif berkaitan kanak-kanak dapat dilaksanakan secara strategik dan bersesuaian dengan latar belakang demografi dan psikografi kanak-kanak di Selangor," katanya.

Dr Siti Mariah berkata, dasar dan pelan ini diharap dapat memberikan satu panduan yang jelas dan sistematik untuk pembangunan kanak-kanak yang sejahtera di negeri ini.

Katanya, penekanan terhadap dasar ini adalah selaras dengan aspirasi kerajaan negeri berlandaskan konsep 'Selangor Penyayang'.

Terdahulu, persidangan DUN Selangor yang bermula pada Isnin lalu ditangguhkan ke satu tarikh yang akan dimaklumkan.

KTMB DIMINTA SEDIAKAN PERKHIDMATAN PERCUMA KEPADA PESAKIT KANSER KANAK-KANAK, PENJAGA

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ktmb-diminta-sediakan-perkhidmatan-percuma-kepada-pesakit-kanser-kanak-kanak-penjaga-411330?amp=1>

Sumber : Astro Awani

KUALA LUMPUR: Kementerian Pengangkutan (MOT) telah meminta Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menyediakan perkhidmatan percuma kepada pesakit kanser kanak-kanak dan penjaga.

Menterinya Anthony Loke berkata inisiatif itu bertujuan memudahkan perjalanan pesakit dan penjaga yang perlu menerima rawatan di ibu kota terutamanya mereka yang berasal dari Semenanjung.

"Saya difahamkan ramai pesakit dari negeri-negeri perlu datang ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan...di Semenanjung, kita (MOT) boleh tawarkan perkhidmatan kereta api

(percuma) dan saya telah minta Ketua Setiausaha MOT untuk buat susulan dengan KTMB mengenai perkara ini.

"Dari segi mekanisme, MOT boleh aturkan dengan KTMB dan itu sesuatu yang boleh kita laksanakan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program Childhood Cancer Support (CANSupport) di sini hari ini.

Loke berkata MOT dan KTMB perlu mencari kaedah integrasi antara aplikasi CANSupport dan KTMB Mobile bagi membolehkan golongan terlibat memanfaatkan perkhidmatan tersebut.

"Jadi apabila mereka datang untuk rawatan, mereka boleh tempah tiket melalui aplikasi itu. Kita perlu memahami mekanisme tersebut lebih lanjut dan bagaimana kita mahukan bantuan ini disalurkan dengan mudah," katanya.

Aplikasi CANSupport merupakan kerjasama antara Tata Consultancy Services Malaysia dengan Malaysia Aviation Group (MAG) dan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM).

Dalam pada itu, Loke berkata MAG melalui Malaysia Airlines telah bersetuju memberikan sumbangan penerbangan percuma kepada pesakit kanser kanak-kanak terutamanya dari Sabah dan Sarawak untuk mendapatkan rawatan di ibu negara.

Beliau turut mengalu-alukan syarikat penyedia perkhidmatan e-hailing dan teksi untuk menyokong inisiatif tersebut dengan menawarkan perkhidmatan sama kepada golongan terbabit.

TAHAN TIGA WANITA JADI KELDAI AKAUN SCAM

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/946795/tahan-tiga-wanita-jadi-keldai-akaun-scam>

Sumber : Harian Metro

Bayan Lepas: Tiga wanita disyaki menjadi keldai akaun bagi sindiket penipuan ditahan di tiga lokasi berasingan sekitar negeri ini.

Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya dalam kenyataan berkata, sindiket penipuan itu antaranya dalam penghantaran barang, pelaburan mata wang asing yang tidak wujud dan menyamar rakan mangsa.

"Tiga suspek yang berusia antara 39 hingga 49 tahun disyaki terbabit dalam kes penipuan yang dilaporkan pada 2019 hingga 2022.

"Sindiket ini menyebabkan mangsa kerugian antara RM2,000 hingga RM18,000," menurut kenyataan.

Siasatan dilakukan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Orang ramai diingatkan supaya sentiasa berwaspada dan boleh menghubungi pusat panggilan setempat 'CCID Scam Response Center' di talian 03-26101599 atau layari Facebook Cyber Crime Alert PDRM dan CCID Penang untuk maklumat lanjut.

PERINCIKAN UNDANG-UNDANG PENGABAIAAN WARGA EMAS

<https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/250241>

Sumber : Sinar Harian



SHAH ALAM - Kebanyakan warga emas lebih rela untuk ditempatkan di pusat jagaan berbanding menetap bersama anak-anak di kediaman mereka.

Berkongsi perkara itu, Pengurus Pertubuhan Baitul Rahmah, Roslina Salji berkata, rata-rata penghuni yang dihantar ke pusat tersebut gembira dan teruja kerana boleh melakukan pelbagai aktiviti harian berbanding tinggal seorang diri di rumah anak-anak.

"Mereka dihantar oleh keluarga kerana kesibukan anak-anak dengan urusan peribadi dan pekerjaan masing-masing, ada juga yang sebatang kara dan memerlukan penjagaan khusus kerana menghidap penyakit seperti diabetes dan sebagainya.

"Bagi kami, mereka bukanlah beban kerana fungsi pusat ini adalah memberi tempat yang selesa dan menjaga mereka sehingga akhir usia, dan mereka adalah amanah yang perlu diberi kasih sayang serta perhatian setelah diabaikan oleh keluarga atau masyarakat lain," katanya ketika dihubungi Sinar Harian.

Dalam pada itu, Roslina berkata, cadangan kerajaan berkenaan mewujudkan Rang Undang-undang Warga Emas merupakan inisiatif terbaik bagi memberi pembelaan sewajarnya kepada golongan tersebut.

Namun ujarnya, kerajaan perlu meneliti dan memperincikan kesalahan yang dimaksudkan pengabaian tanggungjawab ekoran bukan semua ibu bapa yang dihantar ke pusat jagaan secara terpaksa.

"Ada antara mereka yang volunteer (sukarela) untuk dihantar kerana sunyi dan keseorangan ketika di bawah jagaan anak-anak. Mereka mahukan teman untuk berbual, lakukan aktiviti bersama dan belajar al-Quran.

"Jadi tidak semua yang dihantar kerana pengabaian, mereka sendiri 'serah diri' kepada pusat jagaan," ujarnya.

STATUS OKU TIDAK HALANG MUNCUL PELAJAR CEMERLANG SMA

<https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/250135>

Sumber : Sinar Harian



MARAN - Berstatus orang kurang upaya (OKU) tidak menghalang pelajar Sekolah Menengah Agama (SMA) Dong, Raub untuk muncul antara pelajar cemerlang sekali gus meraih anugerah Mumtaz Sofi selepas meraih 10A dalam peperiksaan SMA Pahang 2022.

Puteri Aleeya Balqis Mohd Azrin, 17, mengalami lemah saraf pada kaki kanan sejak berusia enam tahun menyebabkan dia terpaksa bergantung pada tongkat untuk berjalan.

Sebelum ini, anak sulung daripada lima beradik itu terpaksa berkerusi roda sebelum menggunakan tongkat ketika berusia 15 tahun hingga kini.

Menurutnya, kelemahan fizikal tidak menghalangnya untuk meraih keputusan terbaik walaupun terpaksa berdepan pelbagai cabaran.

"Saya bersyukur dengan kejayaan ini berkat sokongan dan doa ibu bapa, guru-guru selain rakan-rakan yang banyak membantu selama ini.

"Niat saya cuma nak bangga ibu bapa yang banyak berkorban selama ini," kata Puteri Aleeya yang berhasrat menjadi seorang pensyarah.

Ditanya rahsia kejayaannya, Puteri Aleeya Balqis berkata, dia banyak melakukan ulang kaji pelajaran bersama rakan-rakan selain tidak kedekut berkongsi ilmu.

Turut menerima anugerah sama, rakan baiknya, Nur Dalilah Abdul Malek, 17, dari sekolah sama.



Puteri Aleeya (kiri) dan Nur Dalilah bersyukur dan ceria dengan kejayaan mereka untuk peperiksaan SMA Pahang 2022.

Nur Dalilah mengakui terkejut selepas dimaklumkan antara calon cemerlang SMA Pahang.

Dia berkata, bersyukur dan menangis kegembiraan selepas mendapat panggilan memaklumkan mengenai kejayaan itu pada Khamis.

"Pada peperiksaan percubaan, saya dapat keputusan 8A, tak sangka bila dimaklumkan dapat semua A untuk semua 10 subjek.

Kedua-dua pelajar berkenaan antara 108 calon yang mendapat Mumtaz Sofi dalam peperiksaan SMA tahun lalu.

Anugerah disampaikan oleh Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli Pahang, Datuk Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad sempena majlis pengumuman keputusan SMA Pahang di SMA Chenor di sini pada Jumaat.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Datuk Dr Zulkifle Ali dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Jaip, Zaidi Ismail dan Pengetua SMA Chenor, Aminah Murni Hassan.

13.4 PERATUS KANAK-KANAK TINGGAL DI PPR ADA KECENDERUNGAN BUNUH DIRI

<https://www.hmetro.com.my/amp/utama/2023/03/946972/134-peratus-kanak-kanak-tinggal-di-ppr-ada-kecenderungan-bunuh-diri>

Sumber : Harian Metro



Kuala Lumpur: Sebanyak 13.4 peratus kanak-kanak dan remaja yang menetap di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Klang mempunyai kecenderungan membunuh diri dan mencederakan diri sendiri akibat tekanan hidup dialami mereka.

Dapatan itu didedahkan menerusi kajian dijalankan Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) pada 2022 bagi menilai tahap kesihatan mental remaja dan kanak-kanak yang tinggal di PPR Kuala Lumpur dan Selangor semasa Covid-19.

Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni berkata, kajian itu menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif membabitkan 1,578 kanak-kanak dan remaja berusia 10 hingga 17 tahun yang menetap di 37 PPR Kuala Lumpur dan Selangor.

"Hasil kajian menunjukkan 13.4 peratus daripada responden itu mempunyai pemikiran membunuh diri dan mencederakan diri sendiri serta 12.3 peratus mengalami masalah kesihatan mental iaitu kemurungan dan kebimbangan.

"Kita dapati faktor penyumbang terbesar isu itu ialah masalah ekonomi keluarga kerana selepas tiga tahun Covid-19, masyarakat kita mungkin jatuh daripada M40 kepada B40 dan peluang mendapatkan semula pekerjaan mengambil masa.

"Selain itu, cabaran seperti reka bentuk PPR itu agak terhad (sempit), tidak dapat tampung (kapasiti) terutama bagi yang berkeluarga besar serta gaya hidup dan (kurang) kasih sayang keluarga menyebabkan golongan ini keluar untuk hilangkan tekanan mereka.

"Salah satu kesan daripada masalah kesihatan mental akan menyebabkan penyalahgunaan bahan terlarang dan ini terbukti sebab itulah kita jalankan kajian ini supaya masyarakat sedar perkara ini berlaku depan mata kita," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Program Bersama Komuniti PPR: Myhealthymind@PPR dan Pelancaran Laporan Kajian Faktor Penyumbang kepada Tekanan Psikologi, Strategi Daya Tindak dan Tingkahlaku Mendapatkan Bantuan Dalam Kalangan Kanak-kanak dan Remaja yang tinggal di PPR Lembah Klang di PPR Pinggiran Bukit Jalil di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan dan Ketua Pembabitan dan Pembangunan Remaja, UNICEF, Hayon Nam.

Lukanisman berkata, dapatan kajian itu menunjukkan masalah kesihatan mental tidak boleh ditangani KKM bersendirian sebaliknya memerlukan kerjasama agensi lain berkaitan.

"Kita tidak boleh lagi bergerak silo. Ini bermaksud Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan agensi lain perlu turun ke bawah terutama menyedarkan masyarakat masalah ini semakin meningkat dalam masyarakat Malaysia lebih-lebih lagi dalam cabaran ekonomi tidak stabil ini.

"Di peringkat kementerian, kita cuba mendapatkan bantuan daripada Kementerian Komunikasi dan Digital supaya Talian HEAL 15555 diberikan kadar Rahmah atau percuma untuk memudahkan pemanggil berkongsi masalah dialami mereka kepada pegawai kaunselor bermula 8 pagi hingga 12 tengah malam.

"Sejak beroperasi 21 Oktober 2022, Talian HEAL menerima sebanyak 8,904 panggilan dengan 97 daripadanya adalah mereka yang mempunyai tingkah laku membunuh diri dan kita berjaya menyelamatkan dan merujuk hospital sebanyak 51 kes cubaan membunuh diri," katanya.

BUDAK CEDERA PARAH, TIGA BERANAK TERBABAS MASUK LONGKANG

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/18/budak-cedera-parah-tiga-beranak-terbabas-masuk-longkang/>

Sumber : Kosmo



SUNGAI BULOH – Seorang kanak-kanak perempuan cedera parah di kepala selepas kereta dipandu bapanya terbabas dalam longkang dalam kemalangan di Jalan Liter D U19/D, Bandar Baru Sungai Buloh, di sini, hari ini.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Morni Mamat berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada pukul 5.36 petang tadi.

Katanya, seramai lima anggota bersama satu jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sungai Buloh dikejarkan ke lokasi kejadian.

“Setibanya di lokasi kejadian, didapati sebuah kereta jenis Proton Wira telah terbabas ke dalam longkang.

“Kemalangan tersebut melibatkan pasangan suami isteri tempatan berusia lingkungan 30-an dan seorang kanak-kanak perempuan berusia empat tahun,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut Morni, kanak-kanak tersebut mengalami cedera parah di bahagian kepala, manakala pasangan tersebut hanya cedera ringan.

Jelasnya, mangsa berjaya dikeluarkan oleh orang awam sebelum pihak bomba sampai dan diserahkan kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tindakan lanjut. - KOSMO! ONLINE

KANAK-KANAK KUDUNG BERSEMANGAT KEMBALI KE SEKOLAH

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/kanak-kanak-kudung-bersemangat-kembali-ke-sekolah/>

Sumber : Utusan



KULAI: Seorang kanak-kanak yang kudung kaki kirinya tetap bersemangat dan teruja untuk kembali ke sekolah yang akan dibuka esok.

Muhammad Durrani Faris Nor Arifin, 11, yang menghidap kanser tulang atau ‘osteosarcoma’ tidak sabar bertemu rakan-rakannya walaupun tidak lagi aktif seperti dahulu.

Anak kedua daripada lima beradik itu terpaksa menjalani pembedahan memotong kaki kiri pada 3 Januari tahun lalu bagi mengelakkan keadaan kesihatan bertambah buruk.

“Saya tamat menjalani rawatan kemoterapi pada tahun lalu dan berharap dapat bersekolah seperti biasa di sebuah sekolah di Mersing. Keluarga banyak memberi semangat terutamanya ayah dan ibu yang mahu melihat saya berjaya dan saya ingin mengejar cita-cita menjadi angkasawan,” katanya ketika ditemui pada Program Kembali ke Sekolah anjuran Empire Project di Aeon Mall, di sini hari ini.

Muhammad Durrani Faris kini terpaksa bergantung dengan tongkat untuk bergerak, namun tetap cekat menempuhi alam persekolahan.

Bapanya, Nor Arifin Md. Anuar, 36, terharu melihat anaknya yang kuat semangat dan berfikiran positif bagi menjadi insan yang berjaya pada masa depan dan sentiasa memberi sokongan kepadanya.

“Dia adalah seorang anak yang kuat semangat, berkeyakinan diri dan tanpa paksaan, dia sendiri mahu ke sekolah. Kami sentiasa memberi fokus terhadap perkara yang baik dan membawanya ke tempat awam supaya dapat membuang rasa malu dan mesra dengan persekitaran,” katanya.

Pengasas Empire Project, Mohd. Ashraff Khan Md. Najib berkata, seramai 8,000 kanak-kanak di seluruh negara terpilih menerima baucer untuk membeli-belah bagi kelengkapan persekolahan.

Para penerima terdiri daripada penghidap barah, anak pesakit barah selain golongan keluarga B40, Orang Asli dan di kawasan pedalaman.

“Kami berkolaborasi dengan beberapa NGO dan selain menerima penajaan daripada syarikat Agromate Holdings Sdn. Bhd.,” katanya. – UTUSAN

KES JENAYAH SEKSUAL BABITKAN KANAK-KANAK MENINGKAT, SEMUA PERLU GANDING BAHU BANTERASNYA

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/947109/kes-jenayah-seksual-babitkan-kanak-kanak-meningkat-semua-perlu-ganding-bahu>

Sumber : Harian Metro



Kuala Lumpur: Masyarakat memainkan peranan penting untuk melaporkan kes jenayah terutama ke seksual dalam kalangan kanak-kanak dan wanita sebagai usaha membanteras isu itu daripada menjadi semakin berleluasa.

Pakar Sosial Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, usaha membanteras jenayah itu tidak hanya terletak pada 'bahu' kerajaan semata-mata, malah membabitkan semua pihak terutamanya membabitkan masyarakat.

"Kita tidak boleh meletakkan beban kepada kepada pihak kerajaan untuk memastikan jenayah itu dapat dibenteras tanpa ada kerjasama daripada masyarakat kerana kerajaan mempunyai limitasi, termasuk daripada segi kewangan dalam mengawal kes yang berlaku.

"Justeru, masyarakat perlu memainkan peranan dengan melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya mempunyai maklumat berkaitan jenayah terbabit. Namun pada masa sama, masyarakat tidak digalakkan untuk melaksanakan hukuman sendiri.

"Disebabkan itu, laporan dikemukakan itu penting supaya tindakan dapat diambil pihak berkuasa berlandaskan undang-undang," katanya dihubungi hari ini.

Mohammad Shatar berkata, ibu bapa juga dinasihati supaya lebih prihatin dalam keluarga, terutama kanak-kanak yang menjadi mangsa dalam jenayah seksual.

"Kita sedia maklum bahawa banyak pendedahan sama ada baik mahupun buruk boleh diperolehi menerusi media sosial, akan diikuti oleh anak-anak terutama dalam tempoh masa panjang secara berterusan.

"Disebabkan itu, ibu bapa perlu peka dan melihat perkembangan emosi anak-anak. Jika ada perubahan dikesan, tindakan segera perlu diambil bagi membanteras jenayah ini," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan, kes jenayah termasuk seksual yang membabitkan kanak-kanak dan wanita di negara ini menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 12,890 kes tahun lalu berbanding 11,092 pada 2020.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Datuk Seri Abdul Jalil Hassan dipetik berkata, kes jenayah seksual termasuk rogol, cabul, sumbang mahram, cabul kehormatan, gangguan seksual, amang seksual, berkomunikasi seksual dengan kanak-kanak, penderaan kanak-kanak, buang bayi dan keganasan rumah tangga (KRT) didapati meningkat.

Katanya, jumlah kes rogol pada 2020 adalah 1,378, meningkat kepada 1,398 kes tahun lalu, manakala sumbang mahram pula sebanyak 259 kes kepada 264 kes, cabul kehormatan (daripada 838 kes tahun 2020 kepada 865 kes tahun lalu), gangguan seksual (378 kes kepada 466 kes) dan dera kanak-kanak (545 kes kepada 687 kes) serta KRT (5,260 kes kepada 6,540 kes).

3 WANITA DISYAKI KELDAI AKAUN DICEKUP

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/947164/3-wanita-disyaki-keldai-akaun-dicekup>

Sumber : Harian Metro

Balik Pulau: Polis daerah Barat Daya menahan tiga wanita kerana disyaki menjadi keldai akaun oleh sindiket penipuan bagi penghantaran barang, pelaburan mata wang asing tidak wujud dan menyamar sebagai rakan.

Menurut kenyataan Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya wanita berusia 39 hingga 49 tahun itu ditahan secara berasingan di sekitar Pulau Pinang, dua hari lepas.

"Berdasarkan siasatan awal, mereka disyaki dijadikan keldai akaun kepada sindiket penipuan yang berbeza membabitkan kerugian mangsa antara RM2,000 hingga RM18,000.

"Siasatan juga mendapati semua yang ditahan itu melibatkan kes yang dilaporkan sejak tahun 2019 hingga 2022," menurut kenyataan itu.

Kesemua suspek kini direman selama empat hari bagi membantu siasatan dan kes isiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Sementara itu, dalam kes berasingan Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang Kapten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, pihaknya menahan dua lelaki warga Myanmar yang tiada sebarang dokumen perjalanan diri dan bekerja di sebuah sangkar ikan di kedudukan 1.5 batu nautika selatan Pulau Aman, dekat sini.

Katanya pasukan operasi yang menjalankan rondaan rutin telah menjalankan pemeriksaan pada 1.45 tengah hari semalam dan pemeriksaan terhadap dua lelaki berusia 20 dan 30 tahun itu mendapati mereka tiada sebarang dokumen perjalanan diri.

"Selain itu, mereka juga tiada sebarang permit kerja dan ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Akta Imigresen 1959/63 iaitu tinggal di Malaysia tanpa memiliki pas yang sah," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya pihaknya tidak akan berkompromi untuk mengambil tindakan tegas ke atas pengusaha atau individu yang melanggar undang-undang persekutuan di Zon Maritim Malaysia.

JADI EJEN PERUBAHAN DALAM KOMUNITI BANTU WANITA - DR WAN AZIZAH

<https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/250350>

Sumber : Sinar Harian



SHAH ALAM - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail menyeru semua pihak memainkan peranan aktif sebagai ejen perubahan dalam komuniti dan masyarakat sebagai usaha membantu golongan wanita mendapatkan bantuan sewajarnya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak berkata, mereka boleh menyebarkan maklumat dan kesedaran mengenai bantuan-bantuan disediakan terutama membantu golongan

wanita antaranya dalam bidang keusahawanan, pencarian kerja, bantuan psikososial, bantuan nasihat undang-undang dan sebagainya.

"Apa lebih penting adalah kesedaran ataupun kesediaan setiap individu untuk mendapatkan bantuan lebih-lebih lagi kes melibatkan keselamatan dan nyawa seperti keganasan rumah tangga, penderaan, pengabaian serta kesihatan mental," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Buku Bertajuk 'Pesona Personaliti' di Dewan Karang kraf di sini pada Sabtu.

Turut hadir, Penasihat Kumpulan Karang kraf, Datuk Hussamuddin Yaacob dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Grup Buku Karang kraf, Firdaus Hussamuddin.

Isteri Perdana Menteri itu berkata, pelancaran buku berkenaan adalah tepat pada masanya susulan fokus buku berkenaan menjurus kepada aspek-aspek berkait dengan wanita.

Ujarnya lagi, negara ini juga baharu sahaja menyambut Hari Wanita pada 8 Mac lalu dan aspek pembangunan serta pemerksaan wanita merupakan antara agenda utama.

"Saya yakin kita semua mempunyai hasrat dan tekad sama supaya wanita-wanita Malaysia sentiasa dilindungi, diperkasa dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara, dengan potensi wanita sepenuhnya," ujarnya.

Dalam pada itu, Dr Wan Azizah berkata, kekuatan personaliti adalah amat diperlukan bagi membolehkan semua pihak membawa diri ke mana sahaja dengan berpegang kepada jati diri masing-masing.

Menurut beliau, contoh-contoh ringkas dan praktikal yang disertakan dalam buku itu boleh dijadikan panduan mengikut kesesuaian konteks dan situasi pembaca nanti.

"Jadi kita memerlukan lebih banyak karya atau naskhah sebegini yang seharusnya mampu membawa pembaca memperbaiki diri ke arah lebih positif," jelasnya.

Justeru, Dr Wan Azizah menggesa lebih banyak penulis perlu tampil ke hadapan dan mengetengahkan karya-karya berkualiti yang mampu mendidik serta memupuk nilai-nilai murni kepada masyarakat di luar sana.

Beliau turut menyeru semua pihak agar kembali menerapkan budaya membaca dan menghargai ilmu terutama dalam kalangan ahli keluarga selain menggunakan kelebihan teknologi untuk membaca serta mendapatkan maklumat yang bermanfaat.

WARGA EMAS TINGGAL SEORANG DIRI MAUT DALAM KEBAKARAN

<https://www.sinarharian.com.my/article/250361/berita/semasa/warga-emas-tinggal-seorang-diri-maut-dalam-kebakaran>

Sumber : Sinar Harian



LIPIS - Seorang lelaki warga emas ditemukan maut dalam keadaan melecur akibat kebakaran di sebuah rumah di Kampung Paya Keladi di sini pada Sabtu.

Ketua Polis Daerah Lipis, Superitendan Azli Mohd Noor berkata, dalam kejadian kira-kira jam 4.20 petang itu, mangsa, Yusof Kindok, 77, tidak sempat menyelamatkan diri dan ditemui lima meter dari rumah tersebut.

Menurutnya, Ketua Balai Polis Merapoh menerima panggilan telefon daripada orang awam kira-kira jam 5 petang memaklumkan kejadian sebuah rumah terbakar di kampung terbabit.

"Mangsa yang tinggal seorang diri disahkan meninggal dunia dan ditemui di luar rumah," katanya.



Keadaan rumah yang didiami mangsa musnah 100 peratus akibat kebakaran tersebut pada Sabtu.

- Foto JBPM

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Zulfadli Zakaria berkata, mangsa meninggal dunia akibat melecur sebahagian badan dalam kebakaran itu yang menyebabkan kemusnahan 100 peratus.

Jelas beliau, seramai lapan anggota dan dua pegawai bersama dua jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Lipis dikerahkan ke tempat kejadian.

"Mayat mangsa diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut dan punca kebakaran serta jumlah kerugian masih dalam siasatan," katanya.

DIDIK MASYARAKAT ISU KESIHATAN MENTAL

<https://www.sinarharian.com.my/article/250511/berita/nasional/didik-masyarakat-isu-kesihatan-mental>

Sumber : Sinar Harian



SHAH ALAM - Masyarakat perlu dididik melalui media massa atau media sosial berhubung masalah kesihatan mental.

Pakar Psikologi dan Kaunseling Universiti Malaysia Terengganu, Profesor Datin Dr Ruhani Mat Min berkata, ia bagi membentuk kesedaran masyarakat dalam membantu kanak-kanak dan remaja yang mengalami masalah kesihatan mental.

“Dalam lingkungan umur 10 hingga 17 tahun, kanak-kanak masih belajar berkaitan kehidupan, mencari identiti diri, mengenal dan berinteraksi dengan kawan-kawan serta orang di sekeliling.

“Ibu bapa dan masyarakat termasuk badan bukan kerajaan (NGO) serta cendekiawan boleh membantu sama ada melalui media massa atau media sosial dengan menyedarkan kanak-kanak dan remaja bahawa perbuatan bunuh diri misalnya adalah tidak baik,” katanya kepada Sinar Harian pada Ahad.

Tambah Ruhani, kerajaan perlu memainkan peranan dari segi penggunaan media massa terutama televisyen untuk mendidik masyarakat dalam membentuk satu pemikiran sihat.

Pakar Psikologi Kaunseling dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Madya Dr Fauziah Mohd Saad pula berpandangan bahawa memupuk daya tahan dengan bantuan dan sokongan daripada masyarakat khususnya ahli keluarga mampu mengurangkan niat untuk mencedera atau membunuh diri.

“Antara faktor kemurungan dan tekanan adalah dari segi ruang rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang sempit, anak-anak tiada privasi dan ibu bapa sibuk bekerja.

“Jadi, penyelesaiannya adalah bangunkan daya tahan kanak-kanak. Apabila mereka mempunyai daya tahan yang tinggi, maka niat membunuh diri itu akan berkurangan,” jelasnya.

Tambahnya, inisiatif program berbentuk kesedaran yang menyeronokkan juga mampu membantu.

TEKANAN HIDUP PUNCA WANITA CUBA TERJUN SUNGAI BATU PAHAT

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/19/tekanan-hidup-punca-wanita-cuba-terjun-sungai-batu-pahat/>

Sumber : Kosmo



BATU PAHAT – Seorang wanita yang bertindak cuba membunuh diri dengan cara terjun ke dalam Sungai Batu Pahat di sini pada malam Jumaat lalu kini ditahan diwad bagi mendapatkan rawatan.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Ismail Dollah berkata, wanita berusia 37 tahun itu dirawat di Hospital Sultanah Nora Ismail.

Menurutnya, wanita itu bertindak demikian disyaki mengalami tekanan hidup kerana faktor masalah peribadi.

“Pada pukul 9 malam, polis terima panggilan daripada orang awam berhubung seorang wanita cuba membunuh diri dengan cara terjun ke dalam Sungai Batu Pahat.

“Hasil siasatan mendapati seorang wanita tempatan berusia 37 tahun telah berjaya diselamatkan oleh pasukan bomba dan orang awam yang berada di tempat kejadian,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Ismail berkata, pihaknya kini telah membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 309 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara boleh sampai satu tahun ataupun denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, tular sebuah rakaman memaparkan seorang wanita dipercayai bersama dua orang anaknya dikatakan cuba terjun dari Jambatan Peserai, Batu Pahat.

Menerusi video berdurasi 19 itu dapat dilihat wanita tersebut turut memegang senjata tajam dan tidak membenarkan orang awam mendekati mereka. – KOSMO! ONLINE

WANITA CEDERA DALAM KEBAKARAN RUMAH

<https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-cedera-dalam-kebakaran-rumah/>

Sumber : Buletin TV3



TELUK INTAN: Seorang wanita cedera di bahagian kepala dalam kebakaran rumah dua tingkat di Taman Indah Jaya, di sini, pagi tadi.

Menurut jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Perak, pihaknya menerima panggilan kecemasan memaklumkan kejadian itu kira-kira jam 10.25 pagi.

Sepasukan anggota bomba dari balai Teluk Intan dibantu balai Hutan Melintang digerakkan bagi memadamkan kebakaran.

Sebaik tiba di lokasi, pasukan penyelamat mendapati sebuah bilik di tingkat atas rumah dua tingkat itu terbakar 30 peratus.



FOTO: Ihsan JBPM

“Kebakaran melibatkan sebuah rumah kelas A, 2 tingkat terbakar di bahagian bilik di tingkat atas berkeluasan 10×10 musnah terbakar 30 peratus,” katanya.

Ketika kejadian terdapat 3 penghuni berada rumah berkenaan.

Dua lelaki dewasa dapat menyelamatkan diri tanpa mengalami sebarang kecederaan.

Manakala seorang wanita mengalami kecederaan di bahagian kepala.

“Pasukan EMRS memberi rawatan awal kepada mangsa yang terlibat. Seterusnya mangsa yang cedera dihantar ke hospital.”

Operasi tamat sepenuhnya pada jam 11.32 pagi.

OKU PEKAK KINI BOLEH BANTU SALURKAN MAKLUMAT RASUAH

<https://www.sinarharian.com.my/article/250513/khas/rasuah-busters/oku-pekak-kini-boleh-bantu-salurkan-maklumat-rasuah>

Sumber : Sinar Harian



SHAH ALAM - Pengenalan platform digital orang kurang upaya (OKU) Pendengaran Portal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memudahkan golongan itu bagi menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti rasuah.

Menyambut baik pelaksanaan itu, Bendahari Kehormat Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD), Eamienor Zakiah Md Zuki menegaskan, platform yang dilancar pada Ogos tahun lepas meningkatkan aksesibiliti OKU pendengaran untuk bersama-sama mencegah rasuah menerusi kemudahan tersebut.

"Beberapa kali informasi diberikan pihak SPRM kepada MFD (berhubung portal), semasa perasmian dibuat secara digital supaya difahami oleh OKU pekak. Jadi kita tidak ketinggalan mengetahui mengenainya.

"Kerjasama ini membolehkan kami mendapat informasi yang berkaitan. Syukur alhamdulillah dengan pengenalan ini dapat memudahkan kami untuk membuat laporan, di samping membuka mata semua pihak terutamanya kerajaan yang tidak mengenyepikan kami dan memastikan kami memperoleh akses sewajarnya," katanya kepada Sinar Harian, baru-baru ini.

Menyentuh mengenai laporan yang sudah dibuat menggunakan platform berkenaan, Eamienor berkata, rekod hanya boleh didapati daripada kakitangan SPRM.

"Laporan adalah rahsia. Mereka (pelapor) hanya akan sampaikan kepada pihak SPRM sahaja, tetapi dalam laman web itu kita sudah beri penerangan bagaimana laporan boleh dibuat," katanya.

Untuk masa hadapan, Eamienor berkata, pihaknya akan 'turun padang' menjelaskan perkara ini bagi memastikan maklumat berkenaan sampai kepada kelompok orang pekak di luar Lembah Klang.

"Pada masa sama, kita rancang untuk turun ke peringkat negeri agar mereka dapat lebih pemahaman dan bertanyakan soalan berkaitan.

"Sebab memang di luar KL secara amnya kita tahu ada cabaran dari segi digitalisasi ini, yang utamanya kita mahu memastikan hak mereka terbela, mereka juga boleh melaksanakan tanggungjawab bersama melapor mengenai rasuah," ujarnya.

Laman OKU Pendengaran Portal SPRM ini diwujudkan khas oleh SPRM untuk OKU pendengaran bagi memberi pendedahan mengenai rasuah di samping menjadi platform yang lebih efisien untuk diakses oleh golongan ini untuk melaporkan sebarang kes berkaitan rasuah.

Sebanyak lapan saluran sedia ada untuk orang ramai membuat laporan iaitu antaranya melalui e-mel info@sprm.gov.my, kiriman mesej di talian 019-6000 696 dan lapor di pejabat SPRM berdekatan.

MFD menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan SPRM pada Ogos tahun lepas.

Menerusi kerjasama ini MFD dan SPRM dapat memperkukuhkan lagi usaha pencegahan rasuah.

KERAJAAN SENTIASA CARI JALAN BANTU RINGKANKAN BEBAN RAKYAT – NANCY

<https://tvstv.my/2023/03/19/kerajaan-sentiasa-cari-jalan-bantu-ringankan-beban-rakyat-nancy/>

Sumber : TVSTV



LUNDU, 19 Mac: Inisiatif Program Kembali ke Sekolah berupaya meringankan beban ibu bapa khususnya dalam menyediakan keperluan persekolahan anak-anak mereka.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, bagi memastikan kebajikan setiap lapisan rakyat terbela, kerajaan sentiasa mencari dan melaksanakan pelbagai program-program yang memberikan manfaat secara menyeluruh kepada mereka.

Program tersebut katanya, tidak terbatas kepada satu jangka masa sahaja sebaliknya pelaksanaan program-program tersebut bergantung kepada keperluan dan permintaan semasa di sesebuah kawasan.

“Keadaan ekonomi kita sekarang ini amat mencabar untuk kita semua dan dari sebab itulah kami di Pusat Khidmat Parlimen Santubong sentiasa mencari jalan bagaimana kita dapat meringankan beban masyarakat kita ini,” katanya ketika berucap pada Program Gunting Rambut Percuma dan Program Back To School di Sekolah Kebangsaan (SK) Bumiputera di sini, hari ini.

Beliau berkata, banyak organisasi korporat dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di negara ini yang ingin turut serta dalam menyumbangkan dan membantu menjayakan program-program manfaat rakyat.

“Namun bergitu, wakil rakyat atau pemimpin masyarakat setempat perlu bijak dan sentiasa berusaha untuk mencari seterusnya mendekati individu, organisasi atau NGO terlibat bagi membantu mereka menjayakan program-program manfaat rakyat.

“Sebentar tadi saya ada berbincang apa lain program yang hendak dibantu dari segi pertanian dan kerja tangan kita, namun yang penting kami perlukan data supaya kita dapat merancang program bagi setiap kawasan di Parlimen Santubong ini,” katanya.

Terdahulu, Nancy menyerahkan sumbangan beg serta peralatan sekolah kepada 150 pelajar sekolah rendah dalam senarai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Lundu.

Beliau turut menyerahkan cek Projek Kecil Luar Bandar (MRP) kepada 11 penerima terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta NGO bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjong Datu berjumlah RM19,000. – TVS

BANTUAN PEMURNIAN PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM LIFE DIPERLUASKAN

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/19/bantuan-pemurnian-panduan-pelaksanaan-program-life-diperluaskan>

Sumber : Utusan Borneo



KUCHING: Bantuan Pemurnian Panduan Pelaksanaan Program Low Income Family Empowerment (LIFE) diperluaskan sasaran kepada bekas banduan, mangsa penyalahgunaan dadah substans dan rujukan agensi di bawah kementerian.

Demikian kata Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah ketika merasmikan penangguhan Bengkel Pemurnian Panduan Pelaksanaan Program Low Income Family Empowerment (LIFE) anjuran Majlis Pembangunan Sosial (MPS) di sini hari ini.

"Kumpulan sasaran yang ditambah termasuk bekas banduan, mereka yang terjebak dalam penyalahgunaan dadah substans dan mereka yang dirujuk oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita Sarawak kerana telah kehabisan peruntukan menampung," katanya.

Pada masa yang sama, pihaknya juga akan melihat kepada skop yang lebih besar bagi agihan bantuan seperti ekosistem di mana individu berkenaan tinggal, dan punca mengapa mereka tidak dapat menjana pendapatan, ujarinya.

Ia merupakan hasil daripada pengalaman masa lalu untuk mencari kaedah demi mencapai keberkesannya serta mengurangkan rakyat yang miskin di Sarawak.

"Kita dapati 300 orang banduan keluar dari penjara setiap bulan namun sukar untuk mereka ini mencari peluang pekerjaan namun berpotensi memperkembangkan kemahiran yang telah dipelajari mereka di dalam penjara.

"Antaranya membuat karipap dan donut tetapi tidak mempunyai modal untuk membeli perkakasan dan bahan mentah bagi memulakan perniagaan kecil-kecilan terbabit," kata Fatimah lagi.

Pada masa yang sama, MPS telah menjalankan pelaksanaan LIFE bermula 17 hingga 19 Mac untuk menyiapkan panduan dan SOP bersama rakan strategiknya bagi pelaksanaan program terbabit.

Isu kemiskinan adalah satu daripada 14 isu sosial yang menjadi fokus utama kementerian melalui MPS, jelas beliau dalam satu kenyataan yang diedarkan kepada pemberita di majlis itu.

Antara punca kemiskinan yang dikenal pasti hasil kajian awal dan 'particiant observant' yang dijalankan oleh MPS pada 2021 adalah tahap pendidikan yang rendah atau keciciran, terkesan akibat isu sosial seperti penagihan substans dan perceraian; menjadi mangsa jenayah dan bencana, masalah kesihatan fizikal dan mental dan keberkesanan diri yang rendah.

Berdasarkan statistik tahun 2022 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, golongan dalam kategori B40 adalah isi rumah berpendapatan purata bulanan di bawah RM3,860.

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bawah RM2,208 pula dikategorikan sebagai miskin. PGK untuk Sarawak adalah RM2,131.

Namun, PGK bagi memohon bantuan kebajikan Kerajaan Sarawak adalah RM990 dan PGK untuk memohon bantuan kebajikan Kerajaan Persekutuan di Sarawak adalah RM1,169.

KANAK-KANAK SASARAN PENJENAYAH SIBER

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/947423/kanak-kanak-sasaran-penjenayah-siber>

Kuala Lumpur: Penjenayah siber kini menyasarkan kanak-kanak sebagai mangsa terbaharu mereka dengan 'memancing' golongan ini melalui permainan maya.

Berdasarkan laporan Kaspersky bertajuk "Sisi Gelap Dunia Permainan Maya Kanak-kanak", ia mendapati terdapat tujuh juta serangan siber ke atas kanak-kanak dilaporkan pada tahun lalu dengan mengeksploitasi tajuk permainan popular seperti Roblox, Minecraft, Fortnite dan Apex Legends.

"Untuk mencapai peranti ibu bapa, penjenayah siber sengaja mencipta tapak permainan palsu yang membangkitkan minat kanak-kanak untuk mengikuti halaman pancingan data dan memuat turun fail berniat jahat," katanya.

Menurut laporan itu, penyelesaian keselamatan Kaspersky mengesan lebih tujuh juta serangan dari Januari 2022 dan Disember 2022, meningkat 57 peratus berbanding pada 2021.

"Pada tahun 2022, 232,735 pemain menemui hampir 40,000 fail, termasuk perisian hasad dan aplikasi yang mungkin tidak diingini, yang menyamar sebagai permainan kanak-kanak paling popular.

"Memandangkan kanak-kanak pada usia ini selalunya tidak mempunyai komputer sendiri dan bermain dari peranti ibu bapa, ancaman yang disebar oleh penjenayah siber berkemungkinan besar bertujuan untuk mendapatkan data kad kredit ibu bapa," katanya.

Menurutnya, dalam tempoh sama, hampir 40,000 pengguna cuba memuat turun fail berniat jahat yang meniru Roblox.

"Ini mengakibatkan peningkatan 14 peratus dalam jumlah mangsa, berbanding 33,000 pemain yang diserang pada 2021.

"Memandangkan separuh daripada 60 juta pengguna Roblox berumur di bawah 13 tahun, majoriti mangsa adalah kanak-kanak yang kurang pengetahuan mengenai keselamatan siber," katanya.

Menurut statistik Kaspersky, secara keseluruhan, lebih 878,000 halaman pancingan data telah dicipta untuk empat permainan popular itu pada tahun 2022.

"Antara teknik yang paling biasa adalah membabitkan tawaran untuk memuat turun kaedah menipu (cheat) dan mod untuk permainan.

"Pada tapak pancingan data, pengguna mungkin mendapat manual keseluruhan tentang cara 'cheat' yang betul termasuk arahan khusus melumpuhkan antivirus sebelum memasang fail.

"Ini mungkin tidak memberi amaran kepada pemain muda, tetapi ia mungkin dicipta khas supaya perisian hasad mengelakkan pengesanan pada peranti yang dijangkiti.

"Lebih lama antivirus pengguna dilumpuhkan, lebih banyak maklumat mungkin dikumpulkan daripada peranti mangsa," katanya.

Menurut Kaspersky, bagi menangani masalah berkenaan, ibu bapa perlu menunjukkan keprihatinan terhadap aktiviti dalam talian anak-anak.

"Sebagai pilihan, ibu bapa boleh mengajar anak-anak beberapa amalan untuk kekal selamat dalam talian.

"Pilihan lebih baik adalah aplikasi kawalan ibu bapa.

"Selain itu, ibu bapa boleh jelaskan bahawa maklumat sensitif hanya boleh dikongsi dengan orang yang mereka kenali dalam kehidupan sebenar," katanya.